



**GARIS PANDUAN PEMULANGAN SEMULA  
RAPID TEST KIT ANTIGEN (RTK-Ag)**

**PROGRAM SARINGAN COVID-19 PEKERJA ASING**

**2021**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

## **1. PENDAHULUAN**

1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada panel berkenaan pemulangan semula Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag) yang tidak digunakan oleh panel kepada PERKESO.

## **2. SKOP**

2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara pemulangan semula bekalan Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag) yang tidak digunakan oleh Panel kepada PERKESO.

## **3. PROSEDUR**

### **3.1 Pemprosesan Pemulangan Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag) daripada Panel Kepada PERKESO**

3.1.1 Panel memaklumkan kepada PERKESO melalui e-mel kepada [hsp@perkeso.gov.my](mailto:hsp@perkeso.gov.my) berkenaan pemulangan semula Rapid Test Kit Antigen (RTK-Ag) yang telah diterima dengan menyatakan maklumat berikut :

- a) Nama Klinik ;
- b) ID Klinik ; (boleh rujuk pada tempahan yang diterima di system)
- c) Bilangan RTK-Ag yang diterima ;
- d) Jenama RTK-Ag yang diterima ;
- e) Bilangan RTK-Ag yang telah digunakan ;
- f) Baki bilangan RTK-Ag yang belum digunakan.

3.1.2 Ibu Pejabat PERKESO menyemak maklumat yang diberikan oleh Panel dan mengenalpasti bilangan RTK-Ag yang perlu dipulangkan.

- 3.1.3 Ibu Pejabat PERKESO mengemukakan senarai kepada Pejabat PERKESO Negeri (PPN) / Pejabat PERKESO Tempatan (PPT) yang berkenaan.
- 3.1.4 Pegawai PERKESO di PPN / PPT menghubungi Panel berkaitan untuk pemulangan semula bekalan RTK-Ag yang tidak digunakan. PPN/PPT akan menetapkan tarikh dan masa penghantaran bekalan RTK-Ag tersebut kepada Panel.
- 3.1.5 Panel menghantar bekalan RTK-Ag yang tidak digunakan kepada PPN/PPT.
- 3.1.6 Panel melengkapkan maklumat Perakuan Pemulangan RTK-Ag pada Borang Pemulangan RTK-Ag dan mengesahkan serta menurunkan cop rasmi Panel pada borang tersebut.
- 3.1.7 Pegawai di PPN/PPT menyemak kit yang dipulang, melengkapkan Perakuan Penerimaan RTK-Ag pada Borang Pemulangan RTK-Ag dan mengesahkan penerimaan bekalan tersebut.
- 3.1.7 RTK-Ag yang dipulangkan boleh dipertimbangkan untuk pengedaran semula kepada Panel yang lain.

#### **4. CARTA ALIR**

- 4.1 Direktori Pejabat PERKESO boleh dirujuk di (<https://www.perkeso.gov.my/hubungi-kami/pejabat-perkeso-new/ppn-ppp.html>).
- 4.2 Rujuk carta alir di bawah untuk panduan.

**CARTA ALIR PEMULANGAN RAPID TEST KIT ANTIGEN (RTK-AG) SECARA  
SUKARELA DARIPADA PANEL**

